

Angka Giliran: _____

Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSE 241 - Ekonomi Antarabangsa I

Masa: [3 jam]

-
1. Pastikan kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak.
 2. Jawab soalan 1 daripada Bahagian A (80 markah) dan SATU soalan daripada Bahagian B (20 markah).
 3. Tuliskan jawapan untuk soalan-soalan Bahagian A di ruang-ruang kosong yang telah disediakan. Tuliskan jawapan untuk soalan Bahagian B di halaman-halaman kosong yang telah disediakan.
 4. Alat pengira elektronik boleh digunakan.

BAHAGIAN A (80 markah)

1. Jawab SEMUA soalan berikut [A - K]. Tuliskan jawapan anda di ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] Jadual berikut mengandungi maklumat tentang keperluan input buruh untuk mengeluarkan 1 unit komoditi X dan 1 unit komoditi M di negara A dan di negara B.

(a) Tentukan bagi kes-kes manakah negara A mempunyai kebaikan mutlak dalam pengeluaran komoditi X:

(b) Tentukan bagi kes-kes manakah negara B mempunyai kebaikan bandingan dalam pengeluaran komoditi M:


	Buruh per unit output									
	KES 1		KES 2		KES 3		KES 4		KES 5	
	X	M	X	M	X	M	X	M	X	M
Negara A	18	15	12	15	24	12	4	2	3	7
Negara B	5	10	3	9	4	6	2	4	2	3

(5 markah)

[C] Dengan bantuan Rajah C, jelaskan kesan Peperangan Teluk 1991 terhadap kebajikan keseluruhan Kumpulan Negara OPEC dan kebajikan keseluruhan Kumpulan Negara Bukan-OPEC.

(7 markah)

Rajah C



... 5/-

[E] (a) Berikan dua cara bagaimana kerajaan boleh mengambil tindakan untuk menggalakkan firma-firma domestik meningkatkan output masing-masing.


[1] _____ [2] _____

(b) Takrifkan kesan perlindungan: _____

(c) Rajah E menunjukkan keadaan pasar susu di sebuah negara kecil. $sS(w)$ ialah keluk penawaran import; $dD(h)$ ialah keluk permintaan domestik dan $hS(h)$ ialah keluk penawaran domestik. Andaikan objektif kerajaan negara ini ialah untuk meningkatkan output domestik. Bolehkah objektif ini dicapai sekiranya tarif dikenakan dan negara asing mengurangkan harga jualannya? Jelaskan.

Rajah E

(7 markah)




[F] Rajah F menunjukkan keadaan pasaran daging lembu di sebuah negara besar yang sedang berdagang secara bebas. $hS(h)$ ialah keluk penawaran domestik; $hwS(h+w)$ ialah keluk penawaran total (iaitu keluk penawaran domestik dicampur dengan keluk penawaran import). $dD(h)$ ialah keluk permintaan domestik.

Andaikan negara ini mengenakan tarif ad valorem pada kadar 100%.

- (a) Lukiskan keluk penawaran total herotan-tarif (iaitu setelah dikenakan tarif) dan tandakannya dengan huruf $zz^*S(h+w)^*$.
- (b) Tandakan harga imbalan dalam negeri dengan huruf P_d dan harga yang diterima oleh pengeksport asing dengan huruf P_f .
- (c) Hitamkan kawasan mengukur kesan kebajikan dari kesan penggunaan.
- (d) Kumpulan-kumpulan manakah yang membiyai tarif ini?

(e) Jelaskan kesan penganan tarif ini terhadap kebajikan keseluruhan negara ini.



[G] (a) Takrifkan "hasil kuota". _____


(b) Pertimbangkan Rajah G. $sS(h)$ ialah keluk penawaran domestik; $wS(w)$ ialah keluk penawaran import dan $dD(h)$ ialah keluk permintaan domestik. Saiz import pada masa ini ialah ab .

[i] Jelaskan kesan pengenaan kuota sebesar 50% daripada jumlah import pada masa ini.

[ii] Bolehkah kerajaan mencapai matlamat negara mengurangkan import sebesar 50% melalui kaedah lain? Jelaskan kesan kaedah alternatif ini.

Rajah G

(8 markah)





[H] (a) Bagi sebuah negara kecil, mengapakah harga domestik berkurangan apabila cukai eksport dikenakan?

(b) Wujudkan perbezaan kesan pengenalan cukai eksport (pada kadar yang sama) di antara Rajah H.1 dengan Rajah H.2? Jelaskan.

(8 markah)

Rajah H.1

Rajah H.2



[I] Rajah I menunjukkan sebuah negara kecil yang mengeksport sebanyak ab unit belacan. Di antara pemberian subsidi eksport pada kadar \$10/unit dengan pemberian subsidi pengeluaran pada kadar \$10/unit, yang mana satukah:


(a) yang akan meningkatkan eksport paling banyak? Jelaskan.

(b) yang akan memberikan kerugian paling banyak kepada masyarakat? Jelaskan.

(c) yang akan menjadi pilihan pihak pengguna domestik jika diberikan pilihan memilih di antara pemberian subsidi eksport dengan subsidi pengeluaran? Jelaskan.

Rajah I

(8 markah)



BAHAGIAN B

Jawab SATU soalan sahaja daripada bahagian ini. Tuliskan jawapan anda di halaman-halaman kosong yang disediakan di muka surat 14 - 17.

2. Bincangkan teori-teori yang cuba menjelaskan arah aliran perdagangan antarabangsa.

(20 markah)

3. "Dalih industri muda sentiasa digunakan untuk membina industri domestik."

Apakah dalil industri muda dan apakah kelemahan-kelemahan dalih ini?

(20 markah)

4. "Campur tangan di pasaran akan mengurangkan kebajikan masyarakat". Pilih mana-mana tiga kaedah campur tangan di pasaran dan huraikan dengan ringkas bagaimana setiap satu kaedah ini mempengaruhi perdagangan antarabangsa dan kebajikan masyarakat.

(20 markah)

5. Mengapakah kebanyakan negara di dunia pada masa ini memilih untuk berdagang secara tidak bebas? Jelaskan.

(20 markah)

